

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN  
ABD. KADIR [ SETIU ]**

**TARIKH** : **31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kadar peratusan teknologi hijau diterima pakai dalam keempat-empat sektor iaitu pengangkutan, pembangunan, tenaga serta air dan pengurusan sisa dan usaha yang dilakukan bagi mencapai Dasar Teknologi Hijau Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah Dasar Teknologi Hijau Negara, Teknologi Hijau merujuk kepada produk, peralatan atau sistem yang memelihara alam sekitar dan memberi perhatian kepada kriteria seperti meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar, selamat untuk digunakan, menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli, serta menggalakkan sumber yang boleh diperbaharui.
2. Bagi sektor pengangkutan, peratusan penggunaan teknologi hijau adalah seperti yang berikut:

## NO. SOALAN : 12

- (a) Jumlah keseluruhan untuk sektor pengangkutan kenderaan *Battery Electric Vehicle* (BEV) dan hybrid ialah sebanyak 65,739 buah. Daripada jumlah itu, 97% atau 63,936 unit merupakan kenderaan jenis hybrid dan lain-lain, manakala 3% atau 1803 unit ialah jenis BEV.
  - (b) Di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 1.0), 1% atau 5 projek daripada projek yang dibiayai adalah di bawah sektor pengangkutan. Jumlah pembiayaan untuk sektor pengangkutan ialah sebanyak RM25,230,000.
  - (c) Program MyHIJAU mencatatkan sebanyak 27 produk dan perkhidmatan menjadikan produk dan perkhidmatan perngangkutan hanya meliputi 1% dari jumlah 4,455 produk dan perkhidmatan.
3. Bagi sektor pembangunan, pencapaiannya adalah seperti yang berikut:
- (a) Di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 1.0), sebanyak 1% atau 3 projek di bawah sektor bangunan diluluskan iaitu bersamaan RM31,400,052 pembiayaan yang telah diluluskan.
  - (b) Di bawah program MyHIJAU, 16% atau sejumlah 691 produk dan perkhidmatan telah didaftarkan di dalam direktori MyHIJAU dari tahun 2015 hingga 2019, manakala 2% atau sejumlah 48 produk telah menerima pensijilan dari MyHIJAU pada 2019.
  - (c) Sebanyak 5% iaitu 3 projek di bawah kategori Green Investment Tax Allowance (GITA) Projek, manakala 8 projek dibawah kategori Green Income Tax Exemption (GITE) Services. Jumlah keseluruhan projek di bawah sektor pembangunan ialah sebanyak 11 projek pada 2019.
4. Bagi sektor tenaga:

## NO. SOALAN : 12

- (a) Sebanyak 85% atau 263 projek yang telah diluluskan pembiayaan dibawah sektor tenaga termasuk Kecekapan Tenaga dan Tenaga diperbaharu (EE dan RE) di bawah skim GTFS 1.0 dari tahun 2010 – 2017. Kesemua 29 projek atau 100% yang telah mendapat kelulusan GTFS2.0 pada tahun 2019 adalah di bawah sektor tenaga iaitu Tenaga diperbaharu (RE).
  - (b) Bagi program MyHijau, sebanyak 59% atau 2646 produk dan perkhidmatan di bawah kategori Tenaga disenaraikan di dalam Direktori MyHijau pada 2015-2019. Manakala 80% atau 2186 produk di bawah kategori Tenaga telah tersenarai dalam Program Pensijilan MyHijau Mark pada tahun 2019.
  - (c) Di bawah program GITA/GITE, 13% atau 28 projek di bawah EE, 36% atau 75 projek di bawah RE, 51% atau 106 projek lain-lain adalah antara 210 projek yang telah menerima insentif di bawah GITA Projek, 66% atau 4 projek telah menerima insentif dibawah GITA Aset, 25% atau 5 perkhidmatan EE dan 75% atau 15 perkhidmatan RE yang telah menerima pengecualian tax di bawah GITE pada 2016 hingga 2019.
5. Bagi sektor air:
- (a) Sebanyak 14% atau 45 projek di bawah sektor air telah diluluskan pembiayaan di GTFS 1.0 pada 2010 hingga 2017.
  - (b) 1% atau 62 produk dan perkhidmatan yang didaftarkan di bawah sektor air di dalam Direktori MyHijau pada 2015 hingga 2019. Sebanyak 5% atau 128 produk di bawah sektor air telah menerima pensijilan produk eko di bawah MyHijau Mark pada 2019.
6. Bagi sektor pengurusan sisa:
- (a) Sebanyak 13% atau 45 projek telah diluluskan pembiayaan GTFS 1.0 di bawah sektor pengurusan sisa dan air pada 2010 hingga 2017.

**NO. SOALAN : 12**

- (b) 23% atau 1029 produk dan perkhidmatan didaftarkan di dalam MyHijau Direktori pada tahun 2015 hingga 2019, yang mana 13% atau 365 produk telah menerima pensijilan produk eko di bawah Myhijau Mark pada tahun 2019

7. Kemajuan yang signifikan dan peningkatan aplikasi teknologi hijau di dalam keempat-empat sektor ini dinilai daripada pelaksanaan program dan inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian melalui Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) sebagai agensi pelaksana bagi inisiatif-inisiatif tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [ PASIR PUTEH ]**  
**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 14**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah agensi persekutuan bagi memandu agenda TVET dan menyelaras keseluruhan institusi TVET yang berada di pelbagai Kementerian dan Kerajaan negeri ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat komited untuk menjadikan bidang teknikal dan vokasional (TVET) sebagai pilihan utama seiring dengan matlamat melahirkan 35 peratus pekerja mahir dalam kalangan tenaga kerja negara menjelang 2020. Ini kerana semua program pemeraksanaan TVET oleh KPM telah dizahirkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)).

Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 14 Ogos 2019 telah memberi mandat untuk penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemeraksanaan TVET (JKKPTVET) bagi memperkasa sistem dan institusi TVET merentasi sembilan kementerian. Tujuan JKKPTVET berperanan penting sebagai badan penasihat kepada kerajaan dalam hal-hal berkaitan pembangunan aliran TVET negara. Jawatankuasa Kabinet Pemeraksanaan TVET merupakan permulaan kepada penubuhan satu badan penyelarasan bagi semua kementerian. Cadangan "*Kajian Pembangunan Pelan Induk Kebangsaan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Ke Arah Negara Maju*" yang disediakan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) pada Oktober 2018 juga menyatakan akan keperluan untuk mewujudkan satu badan bagi menyelaraskan TVET negara.

Walau bagaimanapun, cadangan menubuhkan sebuah agensi persekutuan atau satu badan penyelarasan masih lagi dalam peringkat perbincangan. Satu kajian akan dilaksanakan dengan lebih terperinci sebelum badan ini diwujudkan.

Sekian, terima kasih.

RJM 60(ii)